

18/03/2000

Sambutan Hari Gawai di Kuala Lumpur Jun

KUCHING, Jumaat - Penduduk di Semenanjung akan berpeluang melihat dengan lebih dekat sambutan Hari Gawai Dayak, apabila acara khas sempena perayaan itu diadakan di Kuala Lumpur, Jun ini.

Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang, berkata semua peserta yang terbabit dalam sambutan Hari Gawai peringkat negeri yang disambut 31 Mei ini, akan dihantar ke Kuala Lumpur untuk mengadakan persembahan acara Gawai.

Beliau berkata, ini adalah julung kali perayaan yang disambut oleh masyarakat Dayak terdiri daripada kaum Iban, Bidayuh dan Orang Ulu di negeri ini diadakan di Semenanjung.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta menteri-menteri Kabinet akan dijemput untuk menyaksikan sambutan itu yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

"Acara persembahan Hari Gawai yang pertama akan diadakan di PWTC, manakala tiga persembahan lagi belum diputuskan tempatnya.

"Keputusan mengadakan sambutan Hari Gawai selama empat hari di Kuala Lumpur itu berikutan cadangan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat agar acara sambutan perayaan itu tahun ini diadakan di Semenanjung," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengelolaan Hari Gawai di Semenanjung, di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, di sini, hari ini.

Mesyuarat itu turut dihadiri Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr Tiki Lafe.

Beliau berkata, sambutan Gawai yang diadakan di Kuala Lumpur menjadi ruang untuk semua peringkat masyarakat di negara ini memahami adat resam, tradisi dan budaya masyarakat Dayak.

(END)